

## TEKS UCAPAN

YB TAN SRI NOH BIN HJ.OMAR,  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SEMPENA MAJLIS PELETAKAN BATU ASAS KOTA BUDAYA GERBANG  
SELATAN SG. RAMBAI  
25 OGOS 2016 (KHAMIS), JAM 3.00 PETANG  
LAMAN DERIS SG. RAMBAI

Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,  
Salam Sehati Sejiwa.

YAB Datuk Seri Ir. Haji Idris Bin Haji Haron,  
Ketua Menteri Melaka;

YB Datuk Ar. Haji Ismail Bin Haji Othman,  
Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Alam Sekitar Negeri Melaka;

YB Datuk Wira Haji Naim Bin Abu Bakar,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

YB Datuk Wira Haji Othman Bin Muhamad,  
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;

Datuk Haji Mohammad Bin Mentek,  
Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan  
Kerajaan Tempatan;

YB Exco-exco Kerajaan Negeri Melaka;

YB Timbalan-timbalan Exco Negeri Melaka;

Y. Bhg En. Zamrud Bin Yahya  
Pegawai Daerah Jasin;

Y. Bhg En. Shadan Bin Othman  
Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Jasin;

Ketua-ketua Jabatan Negeri Dan Persekutuan; dif-dif kehormat, wakil-wakil media; pemimpin-pemimpin masyarakat; penduduk-penduduk sungai rambai; tuan-tuan, puan-puan yang yang dihormati sekalian.

Selamat petang dan salam sejahtera,

1. Pertama sekali saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini sempena majlis Peletakan Batu Asas Kota Budaya Gerbang Selatan Sg. Rambai.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan program ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat secara langsung bagi memastikan majlis yang penuh bermakna ini dapat berjalan dengan jayanya.
3. Terima kasih juga diucapkan kepada YB. Datuk Seri / Datuk / tuan / puan kerana dapat meluangkan masa hadir pada hari ini meskipun sibuk dengan komitmen dan program-program lain dan juga ribuan terima kasih kepada semua jawatankuasa yang terlibat menjayakan majlis ini.
4. Majlis pada hari ini begitu istimewa kerana ia merupakan perjumpaan saya bersama masyarakat di Negeri Melaka yang pertama kali selepas saya dilantik menjadi Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebelum itu juga saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada warga masyarakat Negeri Melaka kerana mendapat seorang pemimpin yang berkaliber dalam menentukan hala tuju Negeri ini. Di sinilah semangat solidariti untuk bersama-sama menyokong dan memberi kepercayaan penuh kepada pemimpin kita demi menentukan masa hadapan yang lebih gemilang. Tahniah sekali lagi kepada Rakyat di Negeri Melaka kerana bijak memilih pemimpin.

5. Benarlah kata pepatah, Melaka Di sini segalanya bermula. Jelas tergambarinya kenyataan ini apabila Melaka berjaya menjadi salah sebuah Negeri Pelancongan yang terkenal di seluruh dunia. Dengan kemajuan yang dicapai, Negeri Melaka mampu bersaing dengan negara-negara maju di Asia seperti Jepun, Korea, China dan sebagainya.

6. Jadi tidak hairanlah jika Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Rambai ini menjadi ikon kecil pelancongan bagi Negeri Melaka. Dengan adanya Peletakan Batu Asas Kota Budaya Gerbang Selatan Sg. Rambai ini, maka bertambah lagilah produk pelancongan terbaharu di Negeri Melaka ini.

Tuan-tuan, Puan-puan Serta Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

7. Kewujudan produk-produk pelancongan serta kawasan riadah seperti inilah yang mampu menjana ekonomi negeri. Sama seperti Dasar Ekonomi Baru menekankan aspek penyusunan semula masyarakat sebagai salah satu daripada strategi ke arah matlamat-matlamat ini. Pembangunan secara terancang adalah satu aspek yang amat penting di dalam program penyusunan semula masyarakat. Selain itu juga mampu memberikan peluang pekerjaan untuk penduduk di negeri ini sekali gus dapat mengurangkan kadar pengangguran selaras dengan tema 'Melaka Maju Negeriku Sayang'.

8. Seperti yang kita tahu, Negeri Melaka pada suatu ketika dahulu pernah ditakluki oleh penjajah seperti Portugis, Belanda, Jepun dan sebagainya, namun hari ini Melaka terus membangun dengan pesatnya. Sebagai contoh, kita tidak perlu ke Venice, Itali untuk berbulan madu kerana di Melaka terdapat 'River Cruise' di Taman Rempah, Sungai Melaka yang hampir setanding dengannya. Melaka juga mempunyai Menara Taming Sari yang boleh berputar 360 darjah sehingga ke puncak. Negeri Melaka juga mempunyai Kapal Selam yang terletak tidak jauh dari Dataran 1Malaysia, Klebang.

9. Seperti yang dapat di lihat bahawa Sungai rambai adalah asas yang penting yang boleh membantu bukan sahaja perkembangan dan kemajuan ekonomi malahan juga perkembangan sosial, keperibadian dan budaya serta sejarah zaman dahulu. Pembangunan Gerbang Selatan ini, sebagaimana kita sedia maklum, mempunyai matlamat-matlamat yang saling berhubung. Hasrat saya ialah untuk mewujudkan, meningkat dan mengekalkan perpaduan rakyat dan kemakmuran serta keselamatan negara. Jadi, tidak mustahil, Sungai Rambai yang juga digelar Gerbang Selatan ini menjadi lebih terkenal dengan kewujudan Kota Budaya Sungai Rambai.

10. Saya difahamkan, di Sungai Rambai ini juga tidak kurang hebat dengan terbinanya Lapangan Terbang Pesawat Ringan (Aerodome), Arca Tengkolok Terbesar 'Dendam Tak Sudah' yang direkodkan di dalam Malaysia Book of Records (MBOR's), Pelabuhan Barter Trade juga projek-projek Agro-Tourism. Selain itu, Sungai Rambai turut menjadi lokasi pilihan penggambaran drama dan filem tempatan untuk penghasilan latar belakang serta suasana pemandangan yang menarik.

Tuan-tuan, Puan-puan Serta Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian

11. Oleh yang demikian, saya berharap agar pelaksanaan produk-produk seperti ini akan dapat dikekalkan dan dipelihara sebaik-baiknya demi generasi yang akan datang. Pihak kementerian juga, tidak teragak-agak untuk menyalurkan peruntukkan sekiranya ada penambahbaikan atau pemuliharaan produk-produk seperti ini bukan sahaja di Sungai rambai malah untuk rakyat negeri Melaka demi keselasaan bersama.

12. Justeru itu, saya akan cuba memastikan kerjasama yang baik dapat dijalin antara Kementerian dengan pihak Kerajaan Negeri Melaka sentiasa terjalin kukuh dan teguh. Kita perlu melakukan yang terbaik, supaya dengan pemuafakatan yang lebih kukuh, prestasi kita akan terus meningkat untuk mencapai kecemerlangan dan kesejahteraan hidup yang lestari.

13. Dalam hubungan ini juga, saya mohon mana-mana wakil daripada pertubuhan bukan Kerajaan dan golongan profesional sama-sama membantu memajukan serta meningkatkan lagi pembangunan serta kemajuan Sungai Rambai ini. Selain daripada itu, sesi '*town hall*' mungkin boleh diaktifkan bagi memberi peluang kepada masyarakat mengemukakan cadangan dan mendengar penerangan yang berguna dari pihak yang terlibat.

14. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, dan dengan sukacitanya, saya dengan merasmikan Majlis Peletakan Batu Asas Kota Budaya Gerbang Selatan, Sg. Rambai, Melaka. Sekian. Terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.